



KENYATAAN MEDIA

PERKESO DAN TERAJU JALIN KERJASAMA STRATEGIK PERKASA PERLINDUNGAN SOSIAL USAHAWAN BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) meneruskan inisiatif proaktifnya demi memperluas dan memperkukuhkan jaringan keselamatan sosial melalui satu Memorandum Kolaborasi (MoC) dengan **Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)**, hari ini.

Kolaborasi yang dimeterai secara rasmi ini juga menjadi simbolik kepada hubungan kerjasama yang lebih erat dan holistik antara kedua-dua organisasi menerusi pelbagai bidang. Ia merangkumi kerjasama dalam Program *Social Synergy*, melibatkan integrasi dan perkongsian data penerima bantuan TERAJU menerusi Sistem *MySynergy*, perlindungan keselamatan sosial kepada usahawan Bumiputera TERAJU, perkongsian maklumat mengenai pelbagai inisiatif Kerajaan di bawah Bajet 2022 yang dilaksanakan PERKESO, intervensi pasaran buruh dan sebagainya.

MoC ini ditandatangani oleh **Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed** dan **Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Dato' Md Silmi Abd Rahman**. Ia disaksikan oleh **Timbalan Ketua Eksekutif PERKESO, Encik John Riba Marin** dan **Encik Mohd Najib Jaafar, Pengarah Penciptaan Kekayaan, Modal Insan dan Penyampaian Perkhidmatan TERAJU**.

Menerusi Program *Social Synergy* ini, lebih **300** rakan strategik yang telah menyertai program ini termasuk TERAJU akan bekerjasama dalam berkongsi atau menyalurkan maklumat prospek-prospek yang berpotensi untuk dibantu oleh rakan strategik yang lain, agar kebajikan mereka sentiasa terjaga dan mengurangkan risiko daripada tercicir menerima bantuan. Langkah ini juga memastikan perluasan jaringan keselamatan sosial yang lebih komprehensif dan menyeluruh kepada seluruh Keluarga Malaysia, sejajar dengan **prinsip ‘No wrong door policy’**.

Dato’ Md Silmi Abd Rahman berkata “Jaringan keselamatan sosial merupakan salah satu elemen utama yang perlu ada bagi setiap negara terutama di negara-negara maju dan Malaysia tidak terkecuali. Usahasama melalui program keselamatan sosial ini adalah selaras dengan fungsi TERAJU sebagai Penyelaras Utama Agenda Sosioekonomi Bumiputera bertrajektori tinggi, melalui tindakan intervensi strategik, inisiatif dan program berlandaskan bidang keutamaan dalam Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Melalui pelan halatuju 10 tahun, TPB2030 telah menggariskan tujuh (7) Bidang Keutamaan di mana usaha pembangunan sosioekonomi Bumiputera menjadi salah satu strategi utama pemacuan agenda Bumiputera. Strategi ini bermatlamat meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi Bumiputera agar tiada Bumiputera yang terpinggir dan mampu mengurangkan kesenjangan ekonomi di kalangan usahawan Bumiputera. Usahasama ini adalah untuk memastikan usahawan Bumiputera menerima hak keselamatan sosial yang selayaknya bagi meningkatkan taraf hidup mereka sekaligus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.”

Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman berkata, “Hampir 13,000 kes membabitkan individu yang memerlukan bantuan telah disalurkan antara sesama agensi yang bernaung di bawah Program *Social Synergy* ini, sejak 2019. Penyertaan TERAJU sebagai rakan strategik dalam program ini membolehkan matlamat untuk memperluas dan mengukuhkan lagi

jaringan perlindungan sosial kepada Keluarga Malaysia dapat direalisasikan, khususnya buat golongan usahawan Bumiputera.”

“Program *Social Synergy* ini juga adalah antara inisiatif murni kami bagi membantu menyelesaikan permasalahan sosio-ekonomi dan isu kebajikan rakyat Malaysia dengan bantuan dan kerjasama daripada pelbagai pihak. ‘*Ibarat aur dengan tebing*’, kerjasama yang terjalin ini saling menyokong dan melengkapi kekuatan yang ada pada kedua-dua pihak.”

Beliau turut menambah, seiring dengan kelulusan Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 oleh Dewan Negara baru-baru ini, PERKESO juga berhasrat untuk memperluas jaringan keselamatan sosialnya kepada golongan usahawan wanita di bawah TERAJU.

Program *Social Synergy* PERKESO yang telah dilancarkan pada **Ogos 2017**, menyediakan satu platform ekosistem keselamatan sosial yang sistematik, komprehensif dan bersepadu buat Keluarga Malaysia menerusi gabungan dan kolaborasi daripada pelbagai rakan strategik merangkumi agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan. Program ini menjadi pusat sehati yang menawarkan perlindungan keselamatan sosial yang menyeluruh kepada rakyat Malaysia dengan matlamat utama untuk **mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat**.

Program *Social Synergy* turut disokong oleh **Portal Sistem MySynergy** iaitu sebuah portal yang dibangunkan secara ‘*in-house*’ oleh PERKESO dan mengadaptasi penggunaan teknologi ‘*blockchain*’ untuk perkongsian maklumat dan kes-kes prospek. Sejak tahun 2019 sehingga kini, statistik menunjukkan hampir **13,000** penyaluran prospek kepada pelbagai agensi melalui **Sistem MySynergy** telah berjaya dilaksanakan dan seterusnya dibantu menerusi agensi-agensi yang lain.

Seiring dengan **konsep ‘No one is left behind’**, kerjasama rakan strategik antara PERKESO dan TERAJU ini diharapkan dapat memperluas lagi penyampaian perkhidmatan oleh setiap pihak menerusi bidang kepakaran masing-masing demi kesejahteraan seluruh Keluarga Malaysia secara inklusif.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

Dan

Bahagian Komunikasi Korporat TERAJU

17 Ogos 2022

Mengenai PERKESO:

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800). Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi sumber terkumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan.

Sejak pandemik melanda negara pada tahun 2020, PERKESO telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kerajaan di bawah beberapa Pakej Rangsangan Kerajaan seperti PRIHATIN, PENJANA, KITA PRIHATIN, BELANJAWAN 2021 PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+. PERKESO kini sedang melaksanakan bantuan Kerajaan yang telah ditambah baik di bawah peruntukan Bajet 2022 menerusi program seperti SIP Subsidi Upah Bersasar, SIP EMP+, SPS Padanan Caruman, SPS Khidmat, JaminKerja – Insentif Penggajian dan SIP Gig.

Mengenai TERAJU

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai organisasi strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Kini, fungsi TERAJU telah diperluaskan sebagai penyelaras utama Agenda sosioekonomi Bumiputera bertrajektori tinggi, melalui tindakan intervensi strategik, inisiatif dan program berlandaskan bidang keutamaan dalam Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12). TERAJU berperanan menggalakan penyertaan Bumiputera dalam industri strategik yang berimpak tinggi ke arah menghasilkan ekosistem pembangunan Bumiputera yang mampan, dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

TERAJU turut dipertanggungjawabkan memacu aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan sosial dan kelestarian bagi menghasilkan persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi.

www.teraju.gov.my dan www.tpb2030.gov.my

UNTUK PERTANYAAN MEDIA, SILA HUBUNGI:

PERKESO

Shafiq Adnan | shafiq.adnan@perkeso.gov.my | +6018-3246720

Hamisah Hamid | hamisah.hamid@perkeso.gov.my | +6019-3833605

TERAJU

Siti Rozalina Mohd Noor | 0192384262 | siti.rozalina@teraju.gov.my

Nurul Hidayah Mohd Jamel | 0133695159 | nurulhidayah.jamel@teraju.gov.my

Nurul Ainaa Mazlan | 0102396969 | nurulainaa@teraju.gov.my